

| SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN | | | | |
|---|---|---------------------|---|--|
| | Tajuk Program / Projek | Fokus WPA 21 | Objektif | Keterangan Ringkas Program / Projek |
| DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA | | | | |
| 1 | Meningkatkan Strategi Perolehan Melalui Khidmat Penerbitan dan Kepakaran Profesional - Khidmat Penerbitan bagi Kos Cetak Buku Yang Dibiayai Oleh Penulis | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan produktiviti portfolio perkhidmatan teras jabatan dengan matlamat utama untuk mendokong usaha gigih kerajaan dalam mempelbagai, mempergiat dan memelihara kemakmuran ekonomi negara melalui inovasi perkhidmatan jabatan; Mendokong usaha kerajaan bagi menjana sumber pendapatan baharu jabatan melalui pendapatan hasil tidak menentu; Membantu penulis tempatan dalam mempercepatkan proses penerbitan karya mereka yang secara implisit membantu penulis dalam menghemat birokrasi, misalnya memendekkan tempoh masa yang diperlukan bagi mendapatkan kebenaran daripada MOHA, permohonan ISBN dan lain-lain; Sebagai pulangan kepada kerajaan bagi menampung pengeluaran kos <i>tangible</i> (meliputi kos kerajaan dari segi penggunaan kertas mempruf dan dakwat mencetak) dan kos <i>intangible</i> (masa <i>editorial</i>, pracetak, reka bentuk hiasan kulit, ISBN dan pengurusan lain) | <p>Pelaksanaan inisiatif ini telah mendapat kebenaran dan caj Perkhidmatan dikenakan sejumlah BND300.00.</p> <p>Dua permohonan telah diterima daripada penulis tempatan bagi khidmat penerbitan buku yang mencakupi proses penilaian manuskrip, <i>editorial</i>, atur huruf, mereka bentuk dan penyediaan spesifikasi cetak termasuk membukakan tawaran sebut harga kepada syarikat pencetak.</p> <p>DBP telah memberikan khidmat penerbitan bagi buku berjudul:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Reka Bentuk Penyelidikan 2) <i>Moing</i> |
| 2 | Meningkatkan Strategi Perolehan Melalui Khidmat Penerbitan dan Kepakaran Profesional - Khidmat Konsultasi Kepakaran | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan penarafan jabatan melalui penyediaan dan penawaran khidmat profesionalisme yang berkaitan dengan <i>core business</i> jabatan kepada pihak luar yang memerlukan; Memberikan akreditasi atau piawaian jabatan ini yang memiliki nilai kebolehpercayaan berdasarkan imej status institusi dan kepakaran tertentu yang diberikan bagi tujuan komersial; Mewujudkan kerjasama menang-menang antara pihak luar dengan jabatan ini bagi meraih manfaat kedua belah pihak; Sumber kepakaran jabatan dimanfaatkan dengan sebaik mungkin mengikut perubahan, pemintaan dan keperluan semasa. | <ul style="list-style-type: none"> Caj perkhidmatan dikenakan sejumlah BND500.00 DBP telah menerima permohonan bagi khidmat konsultasi kepakaran daripada Syarikat Fajar Ulung (Penerbit Buku mapan Luar Negeri) bagi tujuan untuk menerbitkan Kamus Asas Bergambar Fajar Edisi Brunei (Arab-Inggeris-Melayu-Jawi); dan Semakan mengenai tatabahasa Melayu Brunei, leksikografi, tulisan jawi dan juga terjemahan termasuk kesesuaian gambar dan teks bagi dami kamus asas bergambar fajar edisi Brunei Arab-Inggeris-Melayu-Jawi) telah selesai dilaksanakan oleh Unit Perkamusan, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa DBP. |
| 3 | Hari Terbuka Perpustakaan | Struktur Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> Untuk meningkatkan kunjungan orang ramai ke perpustakaan Menjadikan perpustakaan sebagai pusat tumpuan utama bagi melaksanakan pelbagai kegiatan yang bermanfaat Mengenalkan orang ramai dengan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan Mempromosi perpustakaan kepada orang ramai | Projek ini diadakan di setiap perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka secara bergilir-gilir dan telah mula diadakan di perpustakaan Daerah Temburong. Setiap bulan, sebuah perpustakaan akan mengadakan hari terbuka di bangunan-bangunan perpustakaan masing-masing. Diantara kegiatan yang dilaksanakan adalah kompen keahlian, pameran, jualan dan permainan. Orang ramai adalah dialu-alukan hadir untuk menyaksikan pelbagai kegiatan yang dilaksanakan pada hari tersebut. Hari terbuka perpustakaan memberikan peluang kepada belia dan orang kampung untuk mengetengahkan perkhidmatan yang mereka sediakan serta produk yang mereka hasilkan serta memberikan ruang bagi orang ramai untuk berkumpul dan melakukan kegiatan yang bermanfaat di perpustakaan |

| SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN | | | | |
|---|---|---------------------|--|--|
| | Tajuk Program / Projek | Fokus WPA 21 | Objektif | Keterangan Ringkas Program / Projek |
| JABATAN BELIA DAN SUKAN | | | | |
| 4 | Kursus Sains Sukan Tahap 1 | Pelakuan Organisasi | Satu inisiatif Jabatan Belia dan Sukan untuk melahirkan individu yang terdiri dari jurlatih - jurulatih sukan tempatan, jabatan-jabatan kerajaan, persatuan-persatuan sukan kebangsaan sebagai jurulatih yang mempunyai sijil yang diiktiraf. Disamping itu juga, ianya adalah bertujuan bagi mempertingkatkan taraf profesional jurulatih-jurulatih tempatan dalam bidang sukan dengan mengaplikasikan ilmu kejurulatihan sukan dengan kaedah yang betul dan lebih berkesan melalui prinsip sains sukan. | Kursus sains sukan tahap.1 adalah kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam dan dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan melalui Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan dengan kerjasama Institut Sukan Negara (MSN) melalui Akademi Kejurulatihan Kebangsaan, Malaysia. |
| PUSAT SEJARAH BRUNEI | | | | |
| 5 | Program Perintis Pakar Sejarah Insentif (PPSI) & Program Perintis Pakar Sejarah Berkala (PPSB) | Pelakuan Organisasi | <ul style="list-style-type: none"> ● Memperkenalkan dan mendedahkan para pelajar kepada pembelajaran secara amali '<i>hands on</i>' ● Menambah ilmu pengetahuan di luar bidang pembelajaran masing-masing ● Menjana kemahiran insaniah pelajar iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran kepimpinan ● Membangun semangat para pelajar untuk belajar dan meminati sejarah ● memberikan peluang kepada pekajar-pekerja UNISSA bergiat aktif di dalam aktiviti yang bermanfaat pada cuti semester | Program FPPI dan PPSB adalah kolaborasi yang pertama antara Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Pusat Sejarah Brunei (PSB). Program ini melibatkan pelajar-pelajar UNISSA khususnya Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam Tahun 1 hingga 4. |